
[BIL. 25 APR 2019](#)

Prof. Ts. Dr. Kamal dilantik TNC (Penyelidikan &

Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, 5 (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 15 Ma Malaysia.

Beliau yang berasal dari Pahang memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Wor Sarjana Kejuruteraan Perisian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebelum menyambung pengaj Perisian di University Of Newcastle Upon Tyne, United Kingdom pada tahun 2003.

Mempunyai pengalaman yang luas sebagai pensyarah, Profesor Ts. Dr. Kamal pernah berkhidmat di Elektronik di Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum berkhidmat di UMP pada tahun 2012.

Dalam pada itu, Profesor Ts. Dr. Kamal juga pernah menyandang jawatan Dekan (Penyelidikan & Inovasi tahun 2015 dan kemudiannya dilantik sebagai Dekan FSKKP pada tahun 2016 sehingga kini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim mengucapkan tahniah atas pelantikan ter akan menggalas tanggungjawab mengetuai penyelidikan dan inovasi serta terus menyumbang kep kecemerlangan UMP.

Dalam pada itu, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Profesor Dato` Dr. Mashitah yang b UMP menjadi antara universiti terbaik Asia.

"Semoga UMP akan terus cemerlang untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul dalam meneraju sahaja di Malaysia malahan di persada antarabangsa," katanya.

UMP akan terus meneroka idea baharu untuk memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perk kejuruteraan dan teknologi dengan lebih inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

UMP perkasa budaya keusahawanan

Bagi merealisasikan agenda Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 dalam keusahawanan, Pusat Keusahawanan (*MyPACE*) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Industri (FI) Program Inkubator dan Ekosistem Keusahawanan UMP pada 1 April 2019 yang lalu di Kemaman, Terengganu.

Bengkel yang disertai staf UMP ini bertujuan memberi pendedahan dan perancangan yang tersusun untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari.

Menurut Ketua Pegawai Operasi yang juga Dekan Fakulti Pengurusan Industri, Profesor Madya Dr. M. M. M. M. dibimbing dan didedahkan dengan aplikasi perniagaan yang diguna pakai di negara luar serta dapat memperkembangkan pembelajaran.

“Penganjuran bengkel ini dilihat dapat membuka ruang dan peluang buat tenaga pengajar dan pelajar dalam kemahiran perniagaan serta memanfaatkan ilmu dengan lebih efisien dalam menyumbang kepada pembauran.

“Dalam pada itu, aspek keusahawanan ini juga dilihat sebahagian daripada agenda utama universiti bertepatan dengan 2019, Meraikan Kejayaan Mendampingi Industri dan Menyuburi Keusahawanan,” katanya.

Bengkel dikendalikan oleh penceramah jemputan yang tidak asing dalam bidang *Model Innovation, SME Development, Social Media and e-Commerce for SME'S*, iaitu Pengarah Inkubator School of Business and Management, Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Delyana.

Dalam berkongsi pengalaman, Dr. Dina menyarankan agar pembudayaan keusahawanan perlu dilaksanakan dalam pertandingan dan persidangan dalam menanam minat pelajar menceburi bidang ini.

“Begitu juga dengan sistem sokongan terutamanya di peringkat fasa awal (*startup stage*), ilmu pengetahuan

baik dengan pelabur.

“Malahan para peserta juga akan mempelajari bagaimana bermulanya mendapat idea sehingga membentuk pasukan pengurusan yang mantap. Dengan adanya sistem aplikasi memudahkan pihaknya Dr. Dina.

Hadir sama dalam bengkel Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ketua Pegawai Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman, Pengarah *MyPace*, Abdul Syukor Abd. Razak dan Komunikasi, Dr. Mohamed Ariff Ameen.

Bersempena itu juga, seramai 1,000 pelajar yang mengambil kursus *UGE2002 Technopreneurship* keusahawanan yang berlangsung di kedua-dua kampus UMP.

Nurul Akma jurutera muda berjiwa teguh seiring de

Oleh: NURIZZATUL ALIN AHMAD BASTANI, JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

“Keinginan teguh untuk berjaya merupakan kunci utama yang patut ada dalam jiwa setiap pelajar, tidak Nurul Akma Mohamad Rani, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Itulah kata-kata semangat yang sentiasa dipegang oleh Nurul Akma yang berasal dari Kelantan.

Beliau yang kini bertugas sebagai Jurutera Kualiti & Reliabiliti di syarikat Intel Technology (M) Sdn. Bhd. memastikan kualiti produk mengikut piawaian industri dan berkebolehan berfungsi dengan baik semasa diguna.

Jelas beliau, setiap produk yang dikeluarkan perlu dinilai fungsi dan kebolehan tanpa apa-apa kegagalan.

“Jaminan kualiti adalah kunci utama apabila mengeluarkan sesuatu produk,” ujar Nurul Akma lagi.

Yang menariknya, Nurul Akma bercita-cita mahu menjadi seorang doktor perubatan veterinar sehingga dalam kalangan rakan-rakan kerana minatnya yang mendalam terhadap bidang itu.

Namun hasratnya tidak dapat diteruskan kerana beliau mempunyai *Ailurophobia*, iaitu fobia terhadap kucing.

Menurut Nurul Akma lagi, kerjayanya sekarang membuka peluang yang luas untuk mengembangkan potensi.

Dalam tempoh enam bulan bekerja, beliau telah dianugerahkan sebagai pekerja *bright spot*.

Beliau menggunakan peluang sebaiknya untuk membuktikan bahawa beliau merupakan seorang jurutera yang diiktiraf sebagai pekerja yang bertanggungjawab kerana kegigihan beliau dalam memastikan suasana kerja.

“Kerjaya saya sekarang ini mampu menyokong perkembangan multimedia, komunikasi dan jaringan maklumat kerajaan dalam memperkasa *Internet of Things* (IOT) bagi menyokong pasaran dalam dan luar negara,” tar.

Setelah tamat pengajian, Nurul Akma pernah berkhidmat sebagai pembantu penyelidik (kontrak) selama setahun di Syarikat Nano Malaysia Sdn. Bhd.

Namun, beliau hanya bekerja selama beberapa bulan kerana projek dapat disiapkan dalam tempoh yang memohon pekerjaan di syarikatnya sekarang.

Kejayaan Nurul Akma bermula dari zaman universiti lagi apabila beliau berjaya memenangi pingat emas dalam pertandingan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (Citrex) pada tahun 2017.

Kejayaan itu telah menjadi rentetan kepada kejayaan yang lain-lain sama ada pada peringkat kebangsaan.

Nurul Akma sentiasa berpegang kepada prinsip perlu melihat setiap situasi dalam sudut positif dan sentiasa.

Selain sokongan padu yang diberikan oleh orang sekeliling dalam setiap perkara yang dilakukannya, beliau juga kerana memberi peluang seluas-luasnya dalam menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti di universiti.

Penglibatan beliau dalam aktiviti-aktiviti di universiti banyak membantu menyumbang kepada pembebasan dan menyumbang kepada masyarakat dan negara secara langsung. Bukan itu sahaja, ia membantu menyiapkan.

Strategi Pembudayaan dan Pemeraksanaan Program Pembelajaran Malaysia

Kerajaan menekankan agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang merupakan agenda utama untuk memastikan setiap rakyat mendapat peluang pendidikan merentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) dan Pelan Induk Pembudayaan PSH 2011-2020 bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara kompetitif dan ada kelebihan bersaing malah di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Selatan telah menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu elemen pendidikan untuk memajukan negara. Kerajaan kehendak industri.

Bagi mencapai status negara maju, pembelajaran sepanjang hayat menjadi satu kemestian dalam usaha memastikan transformasi negara mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi mencapai kenyataan. Pembelajaran sepanjang hayat dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya dan gaya hidup bagi membolehkan masyarakat menyuarakan aspirasi dan kemajuan teknologi masa kini. UMP Advanced telahpun mengambil usaha untuk pembudayaan dan pemertanian pembelajaran yang dijalankan secara hujung minggu, waktu pengajian yang fleksibel dan kecanggihan teknologi masa kini. Pembelajaran sepanjang hayat dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

Penggunaan teknologi bagi penyampaian PSH

Oleh yang sedemikian adalah menjadi satu keperluan kepada negara untuk merencana strategi pembelajaran sepanjang hayat kepada program dapat diperluaskan melalui pelbagai medium. Sebagai permulaan, antara strategi pelaksanaan pembelajaran dalam talian bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pembelajaran melalui penggunaan sistem berasaskan web dan perkakasan mobil yang mana boleh diakses oleh pelajar dan pengajar.

UMP Advanced telah mula mengorak langkah menggunakan kaedah pelaksanaan program dengan menggunakan teknologi yang dijalankan secara dalam bilik kuliah atau konvensional ke dalam bentuk pembelajaran teradun dengan multimedia, meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini memasukkan multimedia, Web 2.0 (interaksi dan pengukuhan maya, *Facebook & Social Media*) dan lain-lain bagi menyebarkan maklumat kepada warga industri yang mengikuti program PSH selari dengan perkembangan ledakan Revolusi Perindustrian 4.0.

Kerjasama antara agensi yang melaksanakan PSH

Strategi berikutnya adalah melaksanakan kerjasama antara agensi bagi memaksimumkan penggunaan program pembelajaran sepanjang hayat dapat dilaksanakan dengan cekap. Pada masa ini, terdapat beberapa kementerian yang melaksanakan PSH. Setiap agensi ini mewakili sasaran kumpulan yang berbeza dan selaras dengan misi dan objektif agensi masing-masing. Sebagai contoh, Kementerian Belia & Sukan melaksanakan program-program keusahawanan pendek dan panjang bagi belia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) melaksanakan program-program keusahawanan komuniti bumiputera setempat. Dicadangkan supaya perkongsian dan guna sama kepakaran pengajar, tenaga keusahawanan PSH bagi mendekatkan komuniti setempat mengembangkan ilmu dan kemahiran mereka. Setiap agensi perlu bekerjasama untuk memastikan impak program tercapai.

Kolaborasi antara agensi PSH dan industri

Hubungan strategik di antara agensi pembelajaran sepanjang hayat dan industri berkaitan dapat membina program, kepakaran, kemudahan infrastruktur, pemindahan kemahiran dan teknologi. Faedah yang didapati oleh pekerja di samping menjadikan kolaborasi ini sebagai salah satu sumbangan atau tanggungjawab agensi akan dapat menyalurkan program pembelajaran sepanjang hayat yang mempunyai permintaan industri kepada golongan sasaran di samping mendapat faedah pemindahan kepakaran dan kemahiran kepada pekerja.

Sokongan Kewangan untuk Program PSH

Dalam usaha membantu masyarakat menyertai program PSH, pihak kerajaan perlu menyediakan dana PSH. Pendanaan ini juga haruslah disokong dengan mekanisma pembiayaan bagi golongan pekerja yang Negeri, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, badan antarabangsa dan parti politik pinjaman kepada golongan sasaran yang berkaitan. Selain itu, untuk membantu menggalakkan majikan program PSH, dicadangkan insentif pengecualian cukai dan kemudahan perbelanjaan modal bagi diperuntukkan kepada majikan yang menyokong agenda program pembelajaran sepanjang hayat.

Kesinambungan dan pengiktirafan PSH

Kerajaan perlu memberi penekanan kepada kesinambungan dan pengiktirafan pembelajaran sepanjang sedia ada (pengajaran dan pembelajaran, tadbir urus, syarat kemasukan dan penilaian program) dengan dan Pengiktirafan program PSH. Pusat ini akan menyelaras aktiviti jaminan kualiti dan pengiktirafan IPT) dan memastikan masyarakat dan industri yakin dengan penawaran program PSH. Sete meningkatkan kemasukan pelajar melalui Kemasukan Terbuka dan Pengakreditasi Pembelajaran Berasas merupakan proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran ber membantu warga kerja yang mempunyai pengalaman pekerjaan namun kurang kelayakan akademik untuk

PSH tingkat daya saing industry

Peluang program PSH yang ditawarkan melalui UMP Advanced dapat memperluas akses bagi penin membuka peluang bagi meneruskan pembelajaran yang lebih tinggi. Ini hanya dapat dilaksanakan dengan pemerkasaan program PSH dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan industri. UMP Advanced sentiasa pel selari dengan aspirasi semasa negara untuk membangunkan masyarakat berilmu yang memacu negara b maju.

Rencana ini telah disiarkan dalam Berita Harian, 30 Mac 2019.

- 102 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

